



کمنترین حال احوال دالم نكري
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

SIARAN AKHBAR

***THE HIGH-LEVEL MEETING OF THE GENERAL ASSEMBLY
ON THE MIDTERM REVIEW OF THE SENDAI FRAMEWORK (MTR SF)***
**IBU PEJABAT PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB),
NEW YORK, AMERIKA SYARIKAT**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menghadiri *The High-Level Meeting of the General Assembly on the Midterm Review of the Sendai Framework* yang telah diadakan pada 18hb dan 19hb Mei 2023 di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), New York, Amerika Syarikat.

Mesyuarat Peringkat Tertinggi ini adalah anjuran pihak *United Nations for Disaster Risk Reduction (UNDRR)* yang dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Csaba Kőrösi, *President of the United Nations General Assembly*. Mesyuarat ini membincangkan tema *Working Together to Reduce Risk for a Resilient Future* yang antara lain bertujuan untuk memberikan peluang kepada negara-negara anggota, rakan kongsi dan pihak berkepentingan peringkat antarabangsa untuk bersama-sama mencari penyelesaian bagi membina masa depan yang berdaya tahan bencana, selaras dengan hasrat inisiatif *Sendai Framework for Disaster Risk Reduction 2015-2030* ke arah mengurangkan risiko dan membina daya tahan terhadap bahaya semasa, baru muncul dan akan datang.

Ianya merupakan langkah pertama bagi negara-negara anggota untuk menilai keberkesanan dan kemajuan *Sendai Framework* serta mengkaji semula amalan terbaik khususnya dalam aspek inovasi dan teknologi baharu bagi menangani jurang dan cabaran bencana masa depan seperti wabak penyakit dan impak perubahan iklim.

Seramai lebih dari 132 buah negara telah menghadiri mesyuarat ini dan secara umumnya telah menyuarakan mengenai komitmen bersepadu dalam mengurangkan risiko bencana

secara menyeluruh. Selain itu, negara-negara berkenaan juga telah mengongsikan pelbagai amalan dan pandangan terbaharu bagi meningkatkan kesedaran global terhadap kepentingan kerjasama. Mesyuarat ini seterusnya juga telah menghasilkan dan meluluskan *Political Declaration* yang mengesyorkan dasar konkrit dan penyelesaian praktikal yang membolehkan semua negara untuk mempercepatkan kemajuan pelaksanaan *Sendai Framework for Disaster Risk Reduction 2015-2030*.

Yang Berhormat Dato Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa sesi plenari dalam kenyataan beliau telah menyampaikan kedudukan Negara Brunei Darussalam dengan mengongsikan langkah-langkah proaktif untuk mengurangkan kesan bencana yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Brunei Darussalam termasuk penggubalan dasar dan perancangan negara dengan penglibatan pelbagai agensi yang berkepentingan seperti *Brunei Darussalam Climate Change Policy* dan *Disaster Management Strategic Policy Framework* yang menyediakan rangka kerja untuk pendekatan yang lebih bersepadu merentas sektor dan pelbagai pihak berkepentingan dan pada masa yang sama memastikan sinergi antara pengadaptasian perubahan iklim, pengurangan risiko bencana dan pembinaan daya tahan bencana.

Yang Berhormat Dato Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga menekankan kepentingan untuk meningkatkan kerjasama serantau dan antarabangsa dalam pengurangan risiko bencana, khususnya dalam menangani risiko dan bahaya merentas sempadan yang membolehkan kita untuk bertindak balas secara kolektif terhadap bencana di rantau ini dengan cepat, berkesan dan tepat pada masanya ke arah pelbagai jenis kecemasan dan bencana selaras dengan tema mesyuarat.

Turut hadir semasa Mesyuarat tersebut, Yang Mulia Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Pemangku Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dan pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam
28hb., Syawal 1444H bersamaan 19hb., Mei 2023M



کمنترین حال احوال دالم نكري
MINISTRY OF HOME AFFAIRS

PRESS RELEASE

**THE HIGH-LEVEL MEETING OF THE GENERAL ASSEMBLY
ON THE MIDTERM REVIEW OF THE SENDAI FRAMEWORK (MTR SF)
THE UNITED NATIONS (UN) HEADQUARTERS,
NEW YORK, UNITED STATES OF AMERICA**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, Minister of Home Affairs attended the High-Level Meeting of the General Assembly on the Midterm Review of the Sendai Framework which was convened on the 18th and 19th May 2023 at the United Nations (UN) Headquarters, New York, United States of America.

The High-Level Meeting was organized by the United Nations for Disaster Risk Reduction (UNDRR) chaired by His Excellency Csaba Kőrösi, President of the United Nations General Assembly. With the theme *Working Together to Reduce Risk for a Resilient Future*, the meeting aims to provide opportunity for member states, dialogue partners and international bodies to jointly find solutions in reducing risks and become disaster resilient, in line with the principles and objectives of the Sendai Framework for Disaster Risk Reduction 2015-2030.

The meeting also assesses the effectiveness and progress of the Sendai Framework and review gaps and challenges while identifying new innovation and technology to tackle emerging threats and challenges such as disease outbreaks and climate change.

More than 132 countries have attended this meeting and have shared their respective commitments in support of the Sendai Framework implementation as well as sharing various good-practices and the importance of global and regional cooperation. The meeting also adopted a Political Declaration that outlines policies and practical solutions to enable Member States to further accelerate the progress of the implementation of the Sendai Framework for Disaster Risk Reduction 2015-2030.

Yang Berhormat Dato Minister of Home Affairs during the plenary session in his country statement highlighted the proactive measures undertaken by the Government to mitigate the impacts of disasters in the country and shared the involvement of other supporting agencies in the development of the national documents i.e. Brunei Darussalam National Climate Change Policy and Disaster Management Strategic Policy Framework which compliments the international framework and provide a more coordinated approach to address various types of disasters across different sectors and stakeholders while ensuring there is synergy between climate change adaptation, disaster risk reduction and disaster resilience development.

Yang Berhormat Dato also emphasized the importance of enhancing regional and international cooperation in disaster risk reduction, particularly in addressing transboundary risks and hazards towards collectively respond to disasters in the region in a rapid, effective and timely manner towards the different types of emergencies and crisis in line with the theme of the meeting.

Also present during the meeting, the Deputy Permanent Secretary (Safety and Welfare) of the Ministry of Home Affairs, the Acting Deputy Director of the National Disaster Management Centre and senior officials from the Ministry of Home Affairs and the National Disaster Management Centre.

Ministry of Home Affairs
Negara Brunei Darussalam
28th., Syawal 1444H / 19th., May 2023M